

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

KENYATAAN MEDIA
22 SEPTEMBER 2025



ST Anjurkan Program Perintis *Summer School for Energy Regulators* yang Pertama di ASEAN

Putrajaya, 22 September 2025 – Suruhanjaya Tenaga (ST), selaku Pengerusi ASEAN Energy Regulators Network (AERN), berbesar hati menjadi tuan rumah bagi program perintis *Summer School for Energy Regulators in ASEAN* yang berlangsung dari 22 hingga 26 September 2025 bertempat di PETRONAS Leadership Centre, Selangor.

Program ini adalah yang pertama seumpamanya di rantau ini yang berdasarkan model *Summer School on Regulation* yang diadakan setiap tahun di Florence. Ia dianjurkan dengan kerjasama Southeast Asia Energy Transition Partnership (ETP), United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) serta dengan sokongan Florence School of Regulation (FSR), European University Institute, ASEAN Secretariat (ASEC) dan ASEAN Centre for Energy (ACE).

Latihan lima hari ini menghimpunkan seramai 35 pegawai profesional peringkat pertengahan daripada badan kawal selia dan utiliti seluruh Negara Anggota ASEAN dan Timor-Leste. Ia bertujuan untuk memperkuatkkan kapasiti pengawalseliaan, berkongsi amalan terbaik serta sebagai persediaan ke arah penubuhan ASEAN School of Regulation. Program ini merangkumi kelas bersama pakar bidang, kajian kes, kerja berkumpulan secara interaktif dan lawatan tapak, dengan menfokuskan kepada perdagangan tenaga rentas sempadan, integrasi pasaran, penggunaan tenaga boleh baharu serta penyelarasan kawal selia di rantau ASEAN.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Majlis Perasmian program telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Siti Safinah binti Salleh, Pengerusi AERN 2025 dan Ketua Pegawai Eksekutif ST mewakili YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) merangkap Pengerusi ST. Dalam ucapannya, beliau menekankan tema Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025 iaitu "Keterangkuman dan Kemampanan" serta menegaskan bahawa *Summer School* ini merupakan satu pencapaian penting dalam membina kapasiti pengawalseliaan serantau, menyokong pembangunan *ASEAN Power Grid* dan memajukan matlamat peralihan tenaga bersama ASEAN.

Sebagai penyelaras dan tuan rumah acara ini, ST menekankan komitmennya untuk memperkuuh kerjasama serantau dan memastikan pengawal seliaan serta utiliti ASEAN dilengkapi dengan pengetahuan serta keupayaan dalam memacu masa depan tenaga yang selamat, lestari dan inklusif.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi media@st.gov.my.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.